Kertas Perbincangan Cadangan Rangka Kerja Perlindungan Motor Asas

Kandungan:

1. Mukadimah

2. Nota Maklumat Berserta Slaid Sokongan

3. Soalan Yang Sering Dikemukakan

Bank Negara Malaysia
23 April 2010

Mukadimah

Pada pembentangan Bajet 2010 pada September 2009, YAB Perdana Menteri mengumumkan perlunya penyediaan perlindungan insurans motor asas untuk kecederaan dan kematian pihak ketiga (third party bodily injury and death, TPBID) pada premium yang berpatutan dan setimpal dengan tahap perlindungan yang disediakan.

Bank Negara Malaysia sedang mengumpul maklumat daripada semua segmen masyarakat dalam merumuskan cadangan skim asas baharu bagi menyediakan perlindungan TPBID pada harga yang berpatutan.

Skim ini kini dalam peringkat cadangan dan maklumat yang dipaparkan di sini merupakan pilihan tentatif yang mungkin membentuk Skim ini. Maklum balas daripada pihak awam yang diterima akan dipertimbangkan bagi menambah baik lagi perumusan Skim ini.

TINJAUAN KESELURUHAN

- Di Malaysia, terdapat kira-kira 18 juta kenderaan berdaftar dan kira-kira 300,000 kemalangan berlaku setiap tahun. Lebih daripada 40,000 tuntutan kecederaan dan kematian pihak ketiga (TPBID) difailkan setiap tahun. Menurut *Global Status Report on Road Safety 2009* yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia, kadar kematian di Malaysia pada tahun 2008 akibat kemalangan kenderaan motor ialah 3.7 kematian bagi setiap 10,000 kenderaan, antara yang tertinggi di rantau ASEAN.
- Di Malaysia, pemilik kenderaan dikehendaki membeli insurans motor bagi mendapatkan cukai jalan kenderaan tersebut. Memandangkan insurans motor adalah mandatori, ia juga merupakan kelas perniagaan insurans am (44.9% daripada premium yang diunderait) dan perniagaan takaful am (49.9% daripada caruman yang dikutip) yang paling besar pada tahun 2008.
- Sebahagian besar polisi insurans motor dan takaful motor yang dikeluarkan ialah polisi Komprehensif iaitu kira-kira dua pertiga daripada premium motor yang dikeluarkan manakala satu pertiga ialah polisi Pihak Ketiga.
- Sebahagian besar polisi Pihak Ketiga dibeli oleh penunggang motosikal, manakala polisi Komprehensif pula kebanyakannya dibeli oleh pemilik kereta persendirian.

Apakah Polisi Komprehensif? Polisi ini terdiri daripada empat jenis perlindungan:

1. Kecederaan dan kematian pihak ketiga – Memberikan perlindungan kepada mangsa kemalangan (tidak termasuk penumpang/pemandu/pemegang polisi kenderaan yang bersalah) yang mengalami kecederaan anggota atau kematian, di samping sebarang kerugian yang disebabkan oleh kenderaan yang menyebabkan kemalangan.
2. Kerosakan harta pihak ketiga – Memberikan perlindungan kepada sebarang kerosakan harta (kenderaan, tiang lampu, bangunan dsb) pihak ketiga yang disebabkan oleh kenderaan yang menyebabkan kemalangan.
3. Kerosakan kenderaan sendiri – Memberikan perlindungan kepada pemegang polisi untuk sebarang kerosakan kepada kenderaan sendiri.
4. Kecurian – Memberikan perlindungan kepada pemegang polisi sekiranya berlaku kecurian kenderaan sendiri.

Apakah Polisi Pihak Ketiga? Polisi ini terdiri daripada perlindungan 1 dan 2 di atas.

Tinjauan keseluruhan

- **Pada akhir 2009, terdapat kira-kira 10.8 juta polisi insurans dan takaful motor yang dikeluarkan oleh penanggung insurans dan pengendali takaful**
- **Polisi Komprehensif mencakupi 67.2% (7.24 juta) daripada jumlah polisi yang dikeluarkan, manakala polisi Pihak Ketiga mencakupi 32.8% (3.54 juta)**
- **Kebanyakan pemegang polisi Komprehensif merupakan pemilik kereta persendirian. Bagi polisi Pihak Ketiga, kebanyakannya ialah penunggang motosikal**

Kelas Kenderaan	KOMPREHENSIF		PIHAK KETIGA	
	Premium (RM juta)	% daripada jumlah premium	Premium (RM juta)	% daripada jumlah premium
Motosikal	334.7	6.69	161.5	42.23
Kereta Persendirian	4,018.9	80.37	107.7	28.17
Teksi	22.5	0.45	19.4	5.07
Bas	43.8	0.88	21.1	5.52
Kenderaan pengangkut barangan	536.0	10.72	69.6	18.20
Lain-lain	44.3	0.89	3.1	0.81
JUMLAH	5,000.2	100.0%	382.4	100.0%

**** Sumber: ISM Insurance Services Malaysia***

ISU SEMASA INDUSTRI INSURANS MOTOR

- Isu terkini dalam sektor insurans dan takaful motor ialah akses yang tidak mencukupi kepada perlindungan insurans pihak ketiga, terutamanya bagi kenderaan lama dan kenderaan perdagangan.
- Oleh sebab itu, semakin banyak pemilik kenderaan (terutamanya pemilik kenderaan lama dan kenderaan perdagangan) mendapatkan perlindungan daripada MMIP sebagai penanggung insurans terakhir, yang mengenakan premium yang lebih tinggi.
- Selain itu, proses penyelesaian tuntutan pada masa ini mengambil masa yang lama. Berdasarkan statistik sehingga suku keempat 2009, purata masa yang diambil penanggung insurans untuk menyelesaikan tuntutan TPBID dari masa notis tuntutan adalah antara 1 hingga 3 tahun dan ini **tidak** termasuk masa pertikaian dibicarakan di mahkamah.
- Premium insurans motor di Malaysia adalah berdasarkan Tarif Motor. Tarif tersebut tidak pernah disemak sejak tahun 1978 bagi mencerminkan perubahan dalam profil risiko kenderaan, pemandu dan kos perniagaan. Hal ini menyebabkan ketidaksejajaran penetapan harga, iaitu kutipan premium tidak mencerminkan liabiliti tuntutan.
- Semakin banyak penanggung insurans menjadi lebih berhati-hati membuat pilihan dalam menawarkan perlindungan insurans Pihak Ketiga memandangkan premium bagi Pihak Ketiga tidak mencukupi untuk menampung bayaran tuntutan. Untuk Kecederaan dan Kematian Pihak Ketiga sahaja, bagi RM1 premium yang dikutip, kira-kira RM2.67 dibayar sebagai tuntutan. Ini menyebabkan industri tersebut mengalami anggaran kerugian sebanyak RM1 bilion setahun daripada TPBID.
- Implikasi yang timbul daripada kekurangan perlindungan yang sedia ada kepada pemilik kenderaan ialah bertambahnya insiden kenderaan tidak terlindung di jalan raya. Ini boleh mengakibatkan risiko mangsa kemalangan tidak menerima sebarang pampasan ataupun pampasan yang mencukupi.



BILANGAN KENDERAAN YANG MENDAPATKAN PERLINDUNGAN DARIPADA MMIP SEMAKIN BERTAMBAH

- Penanggung insurans dan pengendali takaful semakin memilih apabila menawarkan perlindungan insurans motor terutamanya perlindungan Pihak Ketiga disebabkan oleh kerugian yang ditanggung sekarang.
- Ini jelas daripada peningkatan bilangan pemilik kenderaan yang mendapatkan perlindungan insurans daripada Malaysia Motor Insurance Pool (MMIP) sebagai penanggung insurans terakhir meskipun ia lebih mahal.
- Pada tahun 2009 sahaja, bilangan pemilik kenderaan yang mendapatkan perlindungan daripada MMIP meningkat sebanyak 9 kali. Paling ketara, terdapat peningkatan lebih daripada 450% dalam bilangan motosikal yang mendapatkan perlindungan daripada MMIP. Kebanyakan kenderaan di bawah MMIP ialah Kenderaan Pengangkut Barangan.

Apakah MMIP?

- ✓ MMIP merujuk kepada pengaturan pengumpulan antara penanggung insurans am untuk sama-sama menaja jamin perlindungan insurans bagi kenderaan yang tidak mendapat perlindungan daripada mana-mana penanggung insurans individu. Penanggung insurans juga sama-sama berkongsi sekiranya berlaku kerugian pada MMIP.
- ✓ Sejajar dengan peranan MMIP sebagai penanggung insurans terakhir, ia dibenarkan untuk mengenakan bayaran premium yang lebih tinggi melalui tambahan bayaran bagi mengimbangi pengumpulan risiko yang tidak diingini.
- ✓ MMIP diuruskan oleh MMIP Services Sdn. Bhd. bagi pihak industri insurans am.
- ✓ Pemilik kenderaan boleh membeli perlindungan MMIP secara terus daripada dua penanggung insurans, iaitu Multi-Purpose Insurance Berhad atau Uni.Asia General Insurance Berhad, di mana-mana cawangan mereka. Pemilik kenderaan persendirian dan pemilik kenderaan barangan ringan juga boleh membeli perlindungan MMIP daripada mana-mana cawangan Pos Malaysia berkuat kuasa 1 Julai 2009.

Bilangan kenderaan yang mendapatkan perlindungan daripada MMIP semakin bertambah

Kelas Kenderaan	2006	2007	2008	2009
Motosikal	1	2	6	2,899
Kereta persendirian	152	902	88	16,066
Teksi	94	89	422	14,562
Bas	350	1,482	5,985	19,762
Kenderaan pengangkut barangan	136	130	455	44,164
Lain-lain	3,829	3,292	4,333	5,357
JUMLAH	**4,562**	**5,897**	**11,289**	**102,816**

Sumber: Malaysian Motor Insurance Pool (MMIP)

Industri semakin memilih dalam menyediakan perlindungan insurans motor

BALIK ke slaid 4

PREMIUM TPBID SEMAKIN TIDAK MENCUKUPI UNTUK MENAMPUNG LIABILITI

- Meskipun perlindungan TPBID secara konsisten mencakupi hanya 11% - 12% daripada jumlah premium yang dikutip, nisbah tuntutan untuk TPBID semakin meningkat dengan ketara sejak beberapa tahun lalu. Statistik menunjukkan bahawa bagi setiap ringgit yang dikutip untuk premium pada tahun 2008, sebanyak RM 2.67 dibayar sebagai tuntutan, dan ini tanpa mengambil kira perbelanjaan pengurusan akaun dan komisen yang dibayar kepada ejen. Secara perbandingan, bagi setiap ringgit yang dikutip pada tahun 2004, hanya RM1.80 dibayar balik sebagai tuntutan.
- Nisbah tuntutan yang semakin meningkat disebabkan oleh bertambahnya kadar kemalangan, kenaikan kos kemasukan ke hospital dan perubatan di samping ketirisan yang berlaku dalam sistem sekarang disebabkan oleh pengantara yang pelbagai pada sepanjang proses penyelesaian tuntutan.
- Akibatnya, perniagaan insurans motor akan menjadi semakin tidak mapan sekiranya keadaan sekarang dibiarkan berterusan.

Premium TPBID semakin tidak mencukupi untuk menampung liabiliti

- **Premium bagi perlindungan TPBID mencakupi hanya 11%–12% daripada jumlah kutipan premium**
- **Namun, bagi setiap RM1 premium TPBID yang dikutip pada tahun 2008, sebanyak RM2.67 dibayar sebagai bayaran tuntutan**
- **Nisbah tuntutan bagi seluruh perniagaan motor semakin meningkat**

Tahun	PREMIUM MOTOR (sebagai % daripada jumlah premium)		NISBAH TUNTUTAN MOTOR (%)		
	Perlindungan TPBID	Perlindungan Motor Lain	Perlindungan TPBID	Perlindungan Motor Lain	Keseluruhan
2004	11.5	88.5	179.6	56.6	70.8
2005	11.4	88.6	166.3	54.1	66.9
2006	11.5	88.5	204.3	55.5	72.1
2007	12.1	87.9	242.0	59.2	80.7
2008	12.1	87.9	267.0	61.0	85.5

**** Sumber: Bank Negara Malaysia***

Pada 2008, bagi setiap RM1 premium yang dikutip, bayaran tuntutan adalah sebanyak RM2.67 tanpa mengambil kira kos berkaitan yang lain

STRUKTUR BAHARU POLISI MOTOR

- Perlindungan motor asas yang dicadangkan, yang merupakan kadar minimum, terdiri daripada dua komponen:

  (i) Kecederaan dan Kematian Pihak Ketiga (TPBID) yang merupakan perlindungan mandatori di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987; dan

  (ii) Kerosakan Harta Benda Pihak Ketiga (TPPD)

- Perlindungan TPBID akan ditaja jamin oleh entiti baharu manakala perlindungan TPPD yang akan ditawarkan oleh penanggung insurans dan pengendali takaful bersama-sama dengan perlindungan motor lain seperti kecurian, kerosakan kenderaan sendiri, dsb.
- Sekiranya pemilik kenderaan ingin membeli perlindungan untuk TPBID melebihi daripada di bawah perlindungan motor asas, pemilik kenderaan boleh membeli Liabiliti Pihak Ketiga (Third Party Liability, TPL) daripada penanggung insurans dan pengendali takaful sebagai perlindungan tambahan.
- Pemandu boleh menyesuaikan polisi mereka dan membeli perlindungan lain yang disediakan oleh penanggung insurans dan pengendali takaful sekiranya dirasakan perlu.
- Dari segi penyampaian produk, pemilik kenderaan masih boleh membeli polisi Pihak Ketiga dan polisi Komprehensif daripada penanggung insurans dan pengendali takaful seperti biasa.
- Pertimbangan sama ada untuk membeli perlindungan TPL tambahan merupakan pilihan pemilik kenderaan jika beliau bimbang akan bertanggungjawab terhadap pampasan kepada mangsa yang tidak bersalah yang melebihi jumlah yang dibayar oleh Skim TPBID.



TPBID NEWCO DICADANGKAN MENJADI PENYEDIA TUNGGAL PERLINDUNGAN TPBID

- Di bawah cadangan Skim TPBID, satu entiti baharu (TPBID NEWCO) akan ditubuhkan dan dicadangkan untuk dimiliki secara bersama oleh Kerajaan dan industri. Entiti ini akan dikendalikan sebagai pertubuhan bukan untung, yang secara beransur-ansur akan dapat berdiri sendiri.
- Rasional Kerajaan mempunyai pemilikan majoriti TPBID NEWCO adalah untuk memastikan kepentingan rakyat dipelihara, dengan memastikan semua pemilik kenderaan di Malaysia mempunyai akses kepada polisi motor asas pada premium/caruman yang berpatutan. Skim TPBID akan menawarkan perlindungan insurans dan takaful.
- Lembaga Pengarah dan Pihak Pengurusan TPBID akan mentadbir NEWCO dengan peranan berikut:
    1. Melabur premium/caruman yang dikutip untuk perlindungan asas TPBID
    2. Menentukan paras rizab dalam NEWCO
    3. Membayar tuntutan kepada pihak yang menuntut
- Semua penanggung insurans dan pengendali takaful merupakan ejen TPBID NEWCO untuk mengutip premium/caruman dan memproses tuntutan sebagai pengendali tuntutan.



PRINSIP PANDUAN DAN MATLAMAT UTAMA CADANGAN RANGKA KERJA TPBID

- Cadangan rangka kerja TPBID telah dibuat dengan tujuan untuk mencapai empat prinsip panduan yang berikut:
  1. Memastikan akses kepada perlindungan asas untuk pemilik kenderaan
  2. Menyediakan perlindungan asas pada premium yang berpatutan
  3. Perlindungan tambahan selain perlindungan asas, akan terus disediakan
  4. Penyelesaian tuntutan yang lebih cepat

- Matlamat utama rangka kerja ialah:
  - Objektif 1: Untuk mempertingkatkan akses kepada perlindungan TPBID mandatori (perlindungan asas) bagi semua pemilik kenderaan, yang melibatkan:
    - Perlindungan asas akan disediakan melalui syarikat insurans dan pengendali takaful, ejen mereka dan pengantara sedia ada yang lain.
    - Tidak ada pemilik kenderaan yang akan dinafikan pembelian perlindungan asas.
    - Individu yang memerlukan selain daripada perlindungan asas, boleh membeli perlindungan tambahan mengikut keperluan.

  - Objektif 2: Bagi memastikan perlindungan yang mencukupi untuk semua pemilik kenderaan dan orang ramai pada harga berpatutan
    - Skim dirangka untuk mengurangkan kos dan menangani ketirisan (leakages)
    - Sebagai perlindungan asas, yang had keseluruhan bagi skim tersebut ditetapkan agar setimpal dengan premium dibayar. Penetapan had yang dicadangkan memadai untuk membayar ganti rugi kepada sebahagian besar orang ramai, sekiranya berlaku kemalangan
    - Kerajaan akan terus komited dalam menyediakan jaringan keselamatan sosial bagi kes luar biasa

  - Objektif 3: Untuk mengurangkan tempoh masa yang diambil bagi menyelesaikan tuntutan dan juga mengurangkan kos untuk mentadbir skim tersebut
    - Melaksanakan penambahbaikan berstruktur terhadap proses tuntutan
    - Usaha bersepadu daripada semua pihak, termasuk pihak berkuasa, bagi menambah baik rantaian penyelesaian tuntutan

CIRI SKIM YANG DICADANGKAN MASIH DALAM PERTIMBANGAN

- Terdapat dua kemungkinan senario yang sekarang ini sedang dipertimbangkan dalam merumuskan skim baharu. Senario ini adalah untuk memudahkan interaksi, dan maklum balas yang diterima akan dipertimbangkan dalam merumuskan skim yang dicadangkan.

Senario A

✓Pampasan akan diberikan berdasarkan skala tetap iaitu satu jumlah untuk sesuatu kecederaan. Anggapan dibuat bahawa dua individu dengan jenis kecederaan yang sama akan mengalami tahap kesakitan dan penderitaan yang sama.

✓Pembayaran daripada Skim akan dihadkan kemungkinan sehingga RM2 juta bergantung pada kategori kerugian individu. Contoh kategori kerugian termasuk kesakitan dan penderitaan, penjagaan kejururawatan, perbelanjaan perubatan dan kehilangan mata pencarian.

✓Sekiranya timbul pertikaian, pihak yang menuntut boleh merujuk kepada badan penyelesaian pertikaian bebas yang baru ditubuhkan, yang akan secara khusus membuat penilaian dalam pampasan TPBID. Walau bagaimanapun, kes luar biasa yang memenuhi kriteria keterukan akan mempunyai akses kepada mahkamah.

✓Skop untuk pertikaian akan berkurang hasil daripada skala pampasan tetap dan bantuan guaman yang terhad. Oleh itu, tempoh masa penyelesaian yang lebih cepat dijangka dapat dicapai (dianggarkan antara 2 hingga 4 minggu **selepas dokumentasi yang lengkap diterima**).

✓Dengan skala tetap pampasan dan bantuan guaman yang terhad, premium akan dapat dikekalkan pada tahap sekarang.

Ciri skim yang dicadangkan masih dalam pertimbangan

	SENARIO A	SENARIO B
Pampasan	• Skala Tetap • Had bagi kategori kerugian • Had liabiliti keseluruhan mungkin mencapai RM2 juta	• Seperti yang ditentukan sekarang • Had bagi kategori kerugian • Had liabiliti keseluruhan mungkin mencapai RM2 juta
Bantuan Guaman	• Bantuan guaman yang terhad • Mewujudkan proses penyelesaian pertikaian bebas	• Akses sepenuhnya kepada mahkamah • Peningkatan penggunaan pengantaraan mahkamah
Tempoh Masa Penyelesaian	• Bagi kes biasa, dianggarkan antara 2 hingga 4 minggu selepas dokumentasi yang lengkap diterima	• Dijangka bertambah baik dengan ketara TETAPI hanya dengan komitmen semua pihak dalam rantaian penyelesaian tuntutan bagi mempercepat proses penyelesaian tuntutan
Premium/Caruman TPBID	• Tiada perubahan terhadap premium/caruman semasa	• Kenaikan premium/caruman tarif diperlukan

Dicadangkan supaya sebarang kerugian daripada Skim tersebut ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan dan industri

CIRI SKIM YANG DICADANGKAN MASIH DALAM PERTIMBANGAN (SAMBUNGAN)

Senario B

✓Pampasan akan berdasarkan lingkungan skala semasa seperti yang terkandung dalam *Judiciary's Guidelines for Awards in Personal Injury Claims*, yang dicadangkan untuk dijadikan bersifat terikat bagi tujuan ketekalan.

✓Pembayaran daripada Skim akan dihadkan kemungkinan sehingga RM2 juta bergantung pada kategori kerugian individu. Contoh kategori kerugian termasuk kesakitan dan penderitaan, penjagaan kejururawatan, perbelanjaan perubatan dan kehilangan mata pencarian.

✓Akses kepada mahkamah pada masa sekarang akan dikekalkan, dengan menggalakkan penggunaan pengantaraan mahkamah untuk penyelesaian pertikaian **dengan beberapa cadangan penambahbaikan (rujuk muka sebelah) bagi meminimumkan kos kepada Skim**. Kini, telah dilaporkan bahawa kes lebih cepat dikendalikan oleh mahkamah, dengan beberapa penambahbaikan bagi meningkatkan kecekapan.

Beberapa cadangan penambahbaikan termasuk :

- Penambahbaikan dalam pemprosesan dan penyelesaian tuntutan oleh syarikat insurans
- Pembaikan *Judiciary's Guidelines for Awards in Personal Injury Claims* dari segi jumlah pampasan dan pengawalan bayaran guaman
- Saluran untuk pembaikan yang kena pada masanya oleh pihak berkuasa yang berkaitan, termasuk Polis Diraja Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan, hospital, dsb bagi mempercepat proses tuntutan.

✓Tempoh masa untuk penyelesaian dijangka bertambah pendek dengan usaha bersepadu daripada semua pihak yang berkenaan. Namun, penyelesaian tuntutan dijangka tidak secekap Senario A.

✓Kenaikan premium tarif yang sewajarnya adalah perlu bagi menyesuaikan lingkungan skala pampasan di samping fleksibiliti untuk menyelesaikan pertikaian di mahkamah.

- Dalam kedua-dua senario, sebarang kerugian yang ditanggung oleh Skim ini dicadangkan supaya dikongsi sepenuhnya oleh Kerajaan dan industri. Bahagian perkongsian masih belum ditetapkan.
- Pembiayaan oleh penanggung insurans dan pengendali takaful dicadangkan diambil daripada levi, yang akan ditentukan kemudian.

Ciri skim yang dicadangkan masih dalam pertimbangan

	SENARIO A	SENARIO B
Pampasan	• Skala Tetap • Had bagi kategori kerugian • Had liabiliti keseluruhan mungkin mencapai RM2 juta	• Seperti yang ditentukan sekarang • Had bagi kategori kerugian • Had liabiliti keseluruhan mungkin mencapai RM2 juta
Bantuan Guaman	• Bantuan guaman yang terhad • Mewujudkan proses penyelesaian pertikaian bebas	• Akses sepenuhnya kepada mahkamah • Peningkatan penggunaan pengantaraan mahkamah
Tempoh Masa Penyelesaian	• Bagi kes biasa, dianggarkan antara 2 hingga 4 minggu selepas dokumentasi sepenuhnya diterima	• Dijangka bertambah baik dengan ketara TETAPI hanya dengan komitmen semua pihak dalam rantaian penyelesaian tuntutan bagi mempercepat proses penyelesaian tuntutan
Premium/Caruman TPBID	• Tiada perubahan terhadap premium/caruman semasa	• Kenaikan premium/caruman tarif diperlukan

Dicadangkan supaya sebarang kerugian daripada Skim tersebut ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan dan industri

Maklum balas daripada pihak awam penting dalam memastikan Skim TPBID adalah saksama

Maklum balas daripada pihak awam boleh dikemukakan selewat-lewatnya pada 14 Mei 2010 kepada:

Pengarah
Jabatan Pembangunan Sektor Kewangan
Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Faks: 03-2691 3661
E-mel: Motor@bnm.gov.my

Rasional:

1. **Apakah objektif di sebalik pengenalan skim TPBID baharu ini oleh BNM? Apakah dari sudut kepentingan orang awam, skim TPBID baharu ini lebih baik berbanding dengan skim sedia ada yang telah terbukti berguna? Siapakah yang akan mendapat manfaat paling besar daripada skim TPBID baharu ini, adakah penanggung insurans /pengendali takaful atau orang awam?**

   - Tujuan utama skim TPBID baharu ini adalah untuk memastikan terdapat akses kepada perlindungan insurans / takaful motor asas bagi kecederaan dan kematian pihak ketiga (TPBID) yang menyediakan perlindungan mencukupi untuk semua pengguna jalan raya, dan pada premium insurans yang berpatutan.

   - Cadangan skim TPBID baharu ini bertujuan untuk mengimbangi kebimbangan dan kepentingan semua pihak berkepentingan yang terlibat.

     - Yang utama ialah kepentingan orang ramai, yang dari segi undang-undang perlu mempunyai perlindungan insurans/takaful motor untuk memiliki dan memandu kenderaan, dan juga kepentingan orang ramai lain yang perlu diberi kepastian bahawa mereka akan mendapat pampasan yang mencukupi apabila berlaku kemalangan jalan raya.

     - Isu yang dihadapi oleh penyedia perkhidmatan insurans/takaful juga perlu diambil kira bagi memastikan mereka terus berupaya untuk menyediakan produk dan perkhidmatan insurans/takaful.

   - Dalam memuktamadkan skim TPBID baharu ini, kami berpandukan kepada empat prinsip panduan:
     - Memastikan akses kepada perlindungan asas untuk pemilik kenderaan;
     - Menyediakan perlindungan asas pada premium/caruman berpatutan;
     - Perlindungan tambahan selain perlindungan asas, akan terus disediakan; dan
     - Penyelesaian tuntutan yang lebih cepat untuk mangsa kemalangan.

   - Sebarang penyelesaian yang dicadangkan perlu menangani isu yang dihadapi dan juga memberikan manfaat maksimum kepada semua pemilik kenderaan, pengguna jalan raya, kerajaan, pembayar cukai, penanggung insurans dan pengendali takaful.

2. **Bilakah skim TPBID baharu ini akan dilaksanakan? Adakah maklum balas daripada pengguna dan pelbagai pihak berkepentingan akan dinilai dengan teliti dan diambil kira sebelum skim TPBID baharu ini dimuktamadkan?**

   - Kami menyasarkan untuk memantapkan ciri-ciri skim TPBID baharu ini pada suku ketiga tahun ini dan mengemukakannya kepada Kerajaan untuk kelulusan.

- Susulan sesi perbincangan dengan persatuan pengguna dan pengangkutan, Majlis Peguam dan industri insurans dan takaful, kami akan mengumpul maklum balas daripada semua pihak berkepentingan, termasuk orang ramai, dan akan membuat penambahbaikan seterusnya terhadap cadangan skim TPBID baharu ini.

- Perbincangan dengan pihak lain yang terlibat dalam rantaian penyelesaian tuntutan insurans/takaful motor, seperti pihak polis dan pengamal perubatan juga perlu diadakan.

- Perbincangan selanjutnya dengan kumpulan perundingan pelbagai pihak yang terdiri daripada wakil-wakil semua kumpulan pihak berkepentingan utama juga akan diadakan untuk mengkaji semula cadangan skim TPBID baharu yang telah ditambah baik.

- Selepas cadangan ini mendapat kelulusan Kerajaan, kami perlu membentangkan pindaan undang-undang tertentu di Parlimen, sebelum skim TPBID baharu ini boleh dilaksanakan.

3. Sudahkah BNM menilai kesan sosioekonomi skim TPBID baharu ini?

- Dalam merumuskan cadangan ini, kami sentiasa prihatin untuk memastikan sebarang skim yang diperkenalkan tidak akan menyusahkan orang ramai, dan pada masa yang sama tidak terlalu membebankan penyedia skim tersebut.

- Dalam memuktamadkan skim TPBID baharu ini, empat prinsip panduan diambil kira iaitu:
  - Memastikan akses kepada perlindungan asas untuk pemilik kenderaan;
  - Menyediakan perlindungan asas pada premium/caruman berpatutan;
  - Perlindungan tambahan selain perlindungan asas, akan disediakan; dan
  - Penyelesaian tuntutan yang lebih cepat untuk mangsa kemalangan.

- Perundingan dan maklum balas daripada pihak berkepentingan adalah penting untuk memastikan penyelesaian yang saksama dapat dicapai.

4. Adakah pembayar cukai perlu membiayai penubuhan satu entiti baharu untuk mengendalikan skim TPBID baharu ini? Bagaimanakah penubuhan entiti baharu ini boleh memberi manfaat kepada pengguna? Bukankah lebih efektif kos sekiranya keberkesanan penanggung insurans/pengendali takaful ditingkatkan daripada memperuntukkan sejumlah wang untuk menubuhkan satu entiti baharu?

- Berdasarkan keadaan sekarang, cadangan telah dibuat supaya satu skim nasional baharu dilaksanakan.

  - Sebuah badan pentadbiran dan pengurusan yang baharu, iaitu TPBID NEWCO, perlu diwujudkan untuk memastikan perjalanan keseluruhan skim tersebut adalah lancar dan cekap. Kos menyediakan infrastruktur ini perlulah

memberi pulangan yang sewajarnya dalam bentuk manfaat yang terhasil daripada pengurangan ketirisan (leakages) keseluruhan yang terdapat dalam sistem sekarang, dan juga daripada jangkaan peningkatan kecekapan daripada skim TPBID baharu ini.

- TPBID NEWCO akan menaja jamin perlindungan motor asas bagi pemilik kenderaan. Entiti baharu ini akan dibiayai secara bersama oleh Kerajaan dan industri insurans/takaful.

- Penanggung insurans am dan pengendali takaful akan bertindak sebagai ejen untuk mengutip premium/caruman dan menilai tuntutan di bawah skim TPBID baharu ini.

- Bagi membolehkan premium/caruman ditetapkan pada kadar yang berpatutan bagi semua pemilik kenderaan, sokongan kerajaan dan industri insurans am/takaful diperlukan pada tahun-tahun permulaan.

  - Tahap sokongan ini sedang ditentukan dan akan dibincangkan dengan, dan dipersetujui oleh pihak-pihak yang berkenaan.

  - Walau bagaimanapun, tahap sokongan kerajaan dan industri akan dikurangkan secara beransur-ansur dari masa ke masa dan premium/caruman akan dilaraskan mengikut penetapan harga berasaskan risiko. Ini bagi memastikan premium/caruman yang dikenakan setimpal dengan risiko pemegang polisi.

- Dengan tempoh masa purata yang diambil penanggung insurans untuk menyelesaikan tuntutan adalah antara 1 hingga 3 tahun, kita juga perlu memendekkan tempoh masa untuk membayar pampasan kepada mangsa kemalangan.

  - Ini melibatkan penambahbaikan dalam proses kerja semua peringkat yang terlibat dalam rantaian penyelesaian tuntutan.

  - Pertimbangan utama adalah untuk memanfaatkan/menggunakan infrastruktur yang sedia ada dan menggunakan peningkatan kecekapan yang berterusan semua pihak yang terlibat dalam proses penyelesaian tuntutan.

- Sebagai perlindungan asas yang setimpal dengan premium/caruman dibayar, had keseluruhan Skim ini mungkin perlu ditetapkan. Penetapan siling masih lagi dalam perbincangan tetapi sebarang had yang ditetapkan akan mencerminkan penyelesaian/pampasan tuntutan sebenar dalam beberapa tahun kebelakangan ini dan mencukupi untuk membayar pampasan kepada kebanyakan orang awam sekiranya berlaku kemalangan. Had siling ini akan dikaji semula secara berkala bagi mengambil kira inflasi, kenaikan kos sara hidup dan sebagainya.

5. Apakah jenis data atau kaedah yang digunakan oleh BNM dalam mengira had, premium dan struktur kos yang dicadangkan dalam menubuhkan TPBID NEWCO dan proses penyelesaian pertikaian bebas?

- Dalam menilai premium/caruman yang perlu dikenakan di bawah skim TPBID baharu ini, kami berpandukan keperluan untuk mengurangkan beban tidak wajar yang ditanggung pemilik kenderaan, terutamanya mereka yang berpendapatan rendah.

    - Oleh itu, bagi mengekalkan premium/caruman pada kadar yang rendah, kami perlu membuat penilaian mengenai bahagian lain yang boleh mengurangkan kos, seperti menetapkan siling bagi had liabiliti keseluruhan, mengurangkan ketidakcekapan operasi yang mempunyai implikasi kos, dan menghapuskan ketirisan (leakages) yang tidak perlu sepanjang rantaian penyelesaian tuntutan yang tidak memberikan manfaat tambahan kepada pengguna.

- Penilaian yang digunakan untuk menetapkan siling yang berpatutan bagi had liabiliti keseluruhan TPBID akan mencerminkan data tuntutan sebenar daripada fail tuntutan yang didapati daripada penanggung insurans/pengendali takaful, termasuk keputusan mahkamah.

- Kos untuk menubuhkan dan menyenggara TPBID NEWCO ini akan berdasarkan kos entiti serupa yang ditubuhkan sebelum ini seperti AKPK dan Biro Pengantaraan Kewangan.

6. Mengapakah kerajaan dan BNM tidak memerlukan syarikat insurans/pengendali takaful – yang memperoleh keuntungan besar setiap tahun meskipun mendakwa TPBID merugikan–untuk melaksanakan tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang lebih besar dan terus menawarkan perlindungan TPBID pada kadar yang berpatutan?

- Industri insurans am/takaful yang mapan adalah penting untuk memastikan industri tersebut terus dapat memenuhi keperluan insurans/takaful orang ramai pada masa hadapan.

    - Sekiranya industri insurans am/takaful terus menyokong perniagaan yang tidak dapat bertahan lama, ini mungkin menimbulkan risiko jangka panjang terhadap daya tahan sistem kewangan.

    - Dalam jangka terdekat, sekiranya tiada langkah diambil untuk menangani isu yang sedang dihadapi dalam sistem semasa, kita mungkin mendapati lebih banyak penanggung insurans am/pengendali takaful tidak akan menyediakan perlindungan TPBID.

    - Dalam hal ini, dua kemungkinan yang boleh timbul ialah sama ada pemilik kenderaan yang patuh kepada undang-undang akhirnya terpaksa membayar

Kos perlindungan insurans/takaful komprehensif yang lebih tinggi atau kita mungkin mendapati lebih banyak kenderaan di jalan raya yang tidak mempunyai perlindungan insurans/takaful.

7. BNM telah menyatakan bahawa bagi setiap RM1 premium diperoleh, sebanyak RM2.67 dibayar dalam bentuk pampasan kepada pihak ketiga. Apakah asas bagi pengiraan ini memandangkan industri insurans am dan takaful terus mencatat keuntungan besar seperti ditunjukkan oleh perangkaan industri insurans am dan takaful dalam laman sesawang dan Laporan Tahunan BNM?

- Insurans am merangkumi pelbagai kelas aset, seperti insurans motor; kebakaran; perubatan dan kemalangan diri; marin, penerbangan dan transit; kontraktor, semua risiko dan kejuruteraan; liabiliti; pampasan pekerja dan liabiliti majikan, dan lain-lain.

  - Nisbah kerugian sebenar ialah 267%[1] yang dikira berdasarkan data tuntutan sebenar untuk kelas *Motor Act* (semata-mata tuntutan Kecederaan dan Kematian) sahaja.

  - Pada tahun 2008, premium TPBID yang dikutip oleh penanggung insurans am adalah sebanyak RM490 juta, manakala jumlah bayaran tuntutan pula sebanyak RM1.3 bilion. Dengan mengambil kira jumlah tersebut dan ditambah bayaran komisen kepada ejen dan perbelanjaan operasi yang berkaitan[2], dan juga membuat unjuran ke hadapan[3], kami menjangkakan jumlah defisit untuk kelas *Motor Act* akan melebihi RM1 bilion dan keadaan ini mungkin bertambah teruk sekiranya tidak ditangani dengan sewajarnya.

8. Di bawah skim TPBID baharu ini, bayaran kepada pihak ketiga yang tercedera akan dibuat dengan lebih cepat. Oleh itu, berapa lamakah perlu saya menunggu untuk menerima pampasan? Apakah mekanisme yang akan digunakan untuk memastikan laporan polis dan perubatan boleh disediakan dengan cepat? Adakah apa-apa yang perlu saya lakukan untuk memastikan bayaran adalah cepat, dan bolehkah saya terus menggunakan perkhidmatan peguam untuk mewakili saya bagi memastikan kepentingan saya terpelihara?

- Dengan tempoh masa purata yang diambil penanggung insurans/pengendali takaful untuk menyelesaikan tuntutan adalah antara 1 hingga 3 tahun, kita juga perlu memendekkan masa yang diambil untuk membayar pampasan kepada mangsa kemalangan.

[1] Jadual 3.6, Perniagaan Insurans Am, Nisbah Tuntutan dari *Statistik Insurans Tahunan 2008* (disiarkan dalam laman sesawang BNM)
[2] Pengurusan, pentabdiran, pemprosesan polisi, urusan tuntutan dan sebagainya.
[3] Mengambil kira bilangan dan isi padu kenderaan bermotor yang bertambah, serta kos perubatan, inflasi dan gaji yang lebih tinggi, dsb.

- Ini melibatkan langkah menambah baik proses kerja di semua peringkat yang terlibat dalam rantaian penyelesaian tuntutan termasuk penanggung insurans/pengendali takaful, pihak polis dan hospital, kakitangan perubatan dan guaman, dsb. Perbincangan selanjutnya dengan pelbagai pihak juga perlu diadakan supaya dapat mencari penyelesaian yang boleh diterima oleh semua pihak. Kami akan mengadakan perbincangan dengan kesemua kumpulan ini untuk mencapai objektif ini.

Had Tuntutan dan Penyelesaian Tuntutan

Pemilik kenderaan/pemegang polisi:

9. Memandangkan tuntutan di bawah skim TPBID baharu ini adalah terhad, tidakkah ini akan menambah bebanan kewangan pemilik kenderaan untuk membeli perlindungan insurans/takaful tambahan? Adakah pengguna jalan raya dan pemilik kenderaan perlu membeli insurans hayat atau insurans kemalangan diri tambahan bagi memastikan mereka mendapat pampasan atau dilindungi dengan sewajarnya sekiranya berlaku kemalangan?

- Skim TPBID baharu ini dirangka untuk memastikan semua pengguna jalan raya diberi perlindungan yang mencukupi.
  - Bagi memastikan premium/caruman kekal pada kadar yang berpatutan dan Skim TPBID baharu ini terus beroperasi, kami sedang mempertimbangkan keperluan untuk menetapkan siling bagi had liabiliti keseluruhan tuntutan bagi TPBID. Walau bagaimanapun, berdasarkan siling yang sedang dipertimbangkan, kami menjangkakan keperluan sebahagian besar orang awam akan terus terpelihara.

- Penilaian mengenai siling sewajarnya bagi had liabiliti keseluruhan bagi TPBID akan mencerminkan data tuntutan sebenar daripada fail tuntutan yang didapati daripada penanggung insurans/pengendali takaful, termasuk keputusan mahkamah.

- Pemilik kenderaan juga mempunyai pilihan untuk membeli perlindungan tambahan TPBID (iaitu Liabiliti Pihak Ketiga) sekiranya mereka merasakan perlindungan TPBID asas tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan masing-masing.

Pihak Menuntut/Mangsa Kemalangan:

10. Berapakah had yang dicadangkan untuk pelbagai kerosakan dan berapakah jumlah tuntutan maksimum yang dibenarkan di bawah skim TPBID baharu ini? Apakah asas yang digunakan dalam menentukan had tersebut dan adakah had tersebut akan dikaji semula dari semasa ke semasa?

- Penilaian terhadap siling sewajarnya bagi had liabiliti keseluruhan bagi TPBID akan mencerminkan data tuntutan sebenar daripada fail tuntutan yang didapati daripada penanggung insurans/pengendali takaful, termasuk keputusan mahkamah.

    - Skim TPBID asas ini akan memenuhi keperluan dan menyediakan perlindungan yang diperlukan oleh kebanyakan orang awam.

    - Sebarang siling yang dicadangkan akan dimaklumkan kepada orang ramai dan dikaji semula secara berkala supaya selaras dengan inflasi dan kenaikan kos.

11. Bagaimanakah mangsa kemalangan yang tidak bersalah tahu mengenai pampasan yang akan diterimanya di bawah skim TPBID baharu ini? Bolehkah mangsa kemalangan mendapatkan bantuan guaman bagi jumlah yang melebihi had yang ditetapkan oleh skim TPID baharu ini?

- Kami sedang mempertimbangkan untuk menggubal undang-undang bagi skala dan had pampasan yang dicadangkan. Perkara ini masih lagi dirangka.

- Sebarang siling yang dicadangkan akan dimaklumkan kepada orang ramai dan dikaji semula secara berkala agar selaras dengan inflasi dan kenaikan kos.

- Saluran untuk individu mendapat pampasan melebihi had Skim TPBID baharu ini daripada pihak yang didapati yang bersalah oleh mahkamah akan terus disediakan.

Penubuhan Skim TPBID Baharu:

12. Siapakah yang bertanggungjawab untuk mentadbir dan mengendalikan skim TPBID baharu ini dan berapakah kos bagi pembayar cukai untuk menubuhkan dan menyenggarakan entiti baharu ini?

- Skim TPBID baharu ini akan ditadbir dan dikendalikan oleh TPBID NEWCO.
    - TPBID NEWCO akan dibiayai secara bersama oleh Kerajaan dan industri insurans, untuk menaja jamin perlindungan insurans/takaful motor asas bagi pemilik kenderaan, dengan penanggung insurans am dan pengendali takaful bertindak sebagai ejen kutipan premium dan penilai tuntutan bagi skim tersebut.

- Kos bagi menubuhkan dan menyenggara TPBID NEWCO ini akan berpandukan pada kos pengendalian entiti serupa yang telah ditubuhkan terlebih dahulu seperti AKPK dan Biro Pengantaraan Kewangan.

13. Di bawah Senario A, dinyatakan mengenai pewujudan proses penyelesaian pertikaian bebas. Apakah yang terkandung dalam proses ini? Adakah ini melibatkan kos yang besar kepada pembayar cukai untuk mengekalkan kewujudannya dan adakah ia merupakan duplikasi kepada sistem mahkamah? Apakah kawalan dan langkah yang diambil untuk memastikan kakitangan yang diambil bekerja benar-benar berkelayakan dan bebas dalam membuat keputusan berhubung dengan pertikaian tuntutan dalam masa yang ditetapkan?

- Matlamat di bawah senario ini adalah untuk mewujudkan fungsi penyelesaian pertikaian bebas bagi menilai dan memutuskan penyelesaian tuntutan di bawah skim TPBID baharu ini. Ia bertujuan untuk memastikan pihak menuntut mendapat penyelesaian tuntutan yang saksama berdasarkan peraturan skim TPBID baharu ini, dan memastikan tuntutan oleh mangsa kemalangan dapat diselesaikan dalam masa yang sewajarnya.

- Bagi membolehkan ini tercapai, entiti baharu tersebut akan mempunyai kakitangan yang berkelayakan, di samping mempunyai status mahkamah rendah. Ia akan berfungsi seperti sebuah Tribunal dalam menyelesaikan pertikaian tuntutan.

Bank Negara Malaysia
23 April 2010